

Headline	Rakyat tanggung kenaikan tarif air		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	38	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	312 cm ²
Journalist	HIDAYAH HAIROM	AdValue	RM 4,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,237



Rakyat tanggung kenaikan tarif air

Keadaan tidak mustahil berlaku berikutan 40 peratus sungai di Selangor alami pencemaran

■ HIDAYAH HAIROM

KEPONG - Rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berisiko menanggung kenaikan tarif air, jika pencemaran sungai terus berlaku ekoran perbelanjaan kos tinggi bagi proses rawatan air mentah.

Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Tan Sri Rozali Ismail berkata, berdasarkan pengalamannya, ia tidak mustahil berlaku kerana loji rawatan air juga mempunyai had tertentu bagi memproses air mentah.

Menurutnya, keupayaan loji bergantung pada tahap kualiti air dan proses rawatan tidak boleh dibuat sekiranya berlaku peningkatan pencemaran sungai.

"Berdasarkan rekod, 40 peratus daripada sungai sedia ada sudah tidak boleh digunakan untuk proses rawatan dan beberapa loji juga pernah ditutup

antaranya di Damansara, Batu 11 Cheras, dan Salak Tinggi yang sering tercemar.

"Kita bimbang berlaku peningkatan sungai yang tidak boleh digunakan untuk proses rawatan. Loji sedia ada juga perlu dinaik taraf atau dibina semula untuk merawat air yang tercemar teruk dan ia memerlukan kos yang tinggi," katanya pada sidang media selepas Program 'BPS River Fun Day', di Institute Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), di sini, semalam.

Beliau berkata, situasi sama berlaku sekiranya sumber air mentah diperolehi dari negeri lain kerana kerajaan negeri masih perlu membayar untuk sumber berkenaan.

Menurutnya, secara peribadi peningkatan tarif air wajar dibuat sebagai pengajaran kepada pengguna tentang betapa perlunya menjaga kebersihan

an sungai.

"Jika sampai tahap sungai di Selangor tidak boleh digunakan dan perlu ambil sungai dari negeri lain, namun harga air masih sama atau diberi percuma, masyarakat tidak akan sedar dan terus cemarkan sungai.

"Bagaimanapun hal tarif air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jika kos berkaitan disubsidikan, ia masih memerlukan kos dan ia dibayar menggunakan hasil cukai. Jadi ia tidak adil kepada pembayar cukai," katanya.

Rozali berkata, pencemaran sungai sedia ada boleh dipulihkan jika ia dilaksanakan secara serius. Bagaimanapun ia tentunya memerlukan perbelanjaan besar seiring dengan pelaksanaan undang-undang yang lebih ketat.

"Jika dimulakan dari sekarang, sungai-sungai tercemar ini boleh pulih dalam tempoh 10 tahun," katanya.

Sementara itu, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib berkata, penguatkuasaan terhadap pihak yang mencemarkan sungai sentiasa diambil serius bahkan rampasan tanah pernah dibuat.

"Penambahbaikan terhadap tindakan penguatkuasaan akan dibuat dari semasa ke semasa termasuk mengkaji semula akta berkaitan agar hukuman lebih berat dikenakan kepada yang bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu, 'BPS River Fun Day' adalah program melibatkan 200 pelajar sekolah yang juga ahli Kelab Briged Penyelamat Sungai Puncak Niaga (BPS), dibuat sempena Hari Sungai Sedunia 2014.



Rozali (kiri) dan Zaidi menanam pokok sebagai simbolik pelancaran Program 'BPS River Fun Day', di Frim, semalam.